

25 OCT 2003

Kadir-Deepavali

SAMBUTAN RUMAH TERBUKA MEMBENTUK BANGSA MALAYSIA, KATA KADIR

PULAU PINANG, 25 Okt (Bernama) -- Sambutan majlis rumah terbuka sempena perayaan sesuatu kaum di negara ini merupakan aset ke arah pembentukan bangsa Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata kehadiran ribuan pengunjung pada majlis-majlis rumah terbuka yang dianjurkan oleh kerajaan, telah dapat mengikis perasaan curiga di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini dan ia merupakan bukti kepada dunia bahawa negara ini mampu membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan tulen.

Berucap pada majlis rumah terbuka sempena sambutan Hari Deepavali peringkat kebangsaan di sini hari ini, beliau berkata kerajaan telah membentuk satu model perpaduan menerusi majlis rumah terbuka.

Abdul Kadir berkata oleh itu rakyat haruslah bijak mengisinya supaya matlamat perpaduan sejati dapat direalisasikan di negara ini.

Menurutnya majlis rumah terbuka Deepavali itu turut dihadiri 380 wakil media asing yang merakamkan peristiwa sambutan itu untuk disiarkan di negara masing-masing bagi membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berwarna-warni dengan rakyatnya hidup aman makmur.

Majlis rumah terbuka Deepavali itu dirasmikan oleh Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Lebih 50,000 orang masyarakat pelbagai kaum hadir pada majlis itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam ucapannya berkata sambutan rumah terbuka penting kerana ia melambangkan perpaduan rakyat yang sanggup berganding bahu bagi membina negara.

Beliau berkata rakyat haruslah menghayati semangat "Malaysia Boleh" yang dibentuk oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi semangat "Malaysia Boleh" bagi memastikan negaraini terus maju dan rakyat pelbagai kaum dapat hidup aman damai.

-- BERNAMA

AZE LAT